



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**KAJIAN REKA BENTUK PEMBUNGKUSAN ALBUM MUZIK
INSTRUMENTAL ETNIK SARAWAK**

Tan Koon Ling

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Senireka)
2006

**Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

P KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000273871

**KAJIAN REKA BENTUK PEMBUNGKUSAN ALBUM MUZIK INSTRUMENTAL
ETNIK SARAWAK**

TAN KOON LING

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Senireka)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2006

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

**JUDUL: KAJIAN REKA BENTUK PEMBUNGKUSAN ALBUM MUZIK
INSTRUMENTAL ETNIK SARAWAK**

SESI PENGAJIAN: 2005/2006

Saya **TAN KOON LING**

mengaku membenarkan Tesis/Laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD

Disahkan



Tandatangan Penulis

Tarikh: 10/5/2006



Tandatangan Penyelia


Tarikh: 28/04/2006

Alamat Tetap:
367 Taman Malihah,
Lorong 11B,
93050 Kuching,
Sarawak.

Catatan: * Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
* Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**Kajian Reka Bentuk Pembungkusan Album Muzik Instrumental Etnik Sarawak**' telah disediakan oleh **Tan Koon Ling** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Teknologi Senireka).

Diterima untuk diperiksa oleh:


(Puan Siti Shukhaila Binti Shahruddin)
Penyelia

Tarikh:

28/04/2006

PENGHARGAAN

Sepanjang masa saya menjalankan penyelidikan ini, pelbagai pihak telah membantu dan memberi nasihat dalam banyak aspek. Mula-mula, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak kerana pihak fakulti telah memberi peluang kepada saya untuk menjalankan penyelidikan dan penulisan ilmiah dalam masa yang ditetapkan. Saya berasa amat bangga kerana dapat menjalankan penyelidikan ini demi mencari cara penyelesaian bagi sesuatu masalah.

Saya juga ingin memberi setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama saya iaitu Puan Siti Shukhaila Binti Shaharuddin, di atas bantuan dan nasihat yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan. Beliau telah membantu saya dengan memberi cadangan, bimbingan dan nasihat berkaitan dengan penyelidikan dan mereka bentuk.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah Teknologi Seni Reka Grafik yang selalu memberi tunjuk ajar, nasihat dan cadangan dalam membantu saya menjalankan penyelidikan dan mereka bentuk. Pensyarah-pensyarah ini termasuklah Prof. Madya Ahmad Khiri Mohd. Zain, Encik Ahmad Azaini Abdul Manaf, Encik Mastika Bin Hj. Lamat (Mentor), Encik Sylvester Wielding Jussem, Cik Salmiah Binti Abdul Hamid, Encik Louis Ringah Ak Kanyan, Encik Teddy Suikon dan Encik Azwan Bin Abidin (Tutor).

Tambahan lagi, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang lain dari Program Teknologi Seni Reka. Mereka telah banyak memberi cadangan dan komen dari segi reka bentuk dan penyelidikan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak staf sokongan fakulti seperti staf pejabat dan juruteknik. Mereka telah memberi sokongan dan bantuan yang

sepenuhnya dari segi pinjaman peralatan dan pengurusan. Selain itu, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang turut membantu saya semasa menjalani penyelidikan. Ini termasuklah pihak yang membantu dalam sesi temuramah seperti Encik Narawi Haji Rashidi (Ketua Kumpulan Tuku' Kame'), Cik Ng Sie Ai (penyelidik atau pensyarah muzik ethnologi), Encik Wong Cheng Kong, Cik Pamella, Cik Chin Lee Min dan Encik Asas. Di samping itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang membantu secara tidak langsung dalam penyelidikan ini. Ini termasuklah Encik Raja Iskandar dan Puan Dahlia Tan yang sudi memberi ilmu dan pendapat mereka. Syarikat Impact Design yang membantu dari segi rujukan buku-buku seni reka. Encik Alfonso yang sudi menjadi model penggambaran.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan kepada saya sepanjang penyelidikan dari segi sokongan kewangan dan sokongan moral, terutamanya ibu bapa saya. Rakan-rakan seperjuangan akhir tahun yang selalu memberi pendapat dan membimbing antara satu sama lain juga turut dihargai.

ISI KANDUNGAN

BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN	i
PENGESAHAN DAN TANDATANGAN PENYELIA	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	v
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Skop Kajian	10
1.5 Definisi Kajian	12

BAB 2 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pengenalan	14
2.2 Kaedah Kajian Kualitatif	14
2.3 Kaedah Kajian Kuantitatif	17
2.4 Kajian Lepasan (<i>Literature Review</i>)	18

BAB 3 HASIL DAPATAN KAJIAN

3.1 Pengenalan	23
----------------	----

3.2	Pemerhatian Dan Fotografi	23
3.3	Temuramah	28
3.4	Kajian Kes	32
3.5	Analisa Hasil Dapatan Borang Soal Selidik	33
3.6	Kesimpulan	48

BAB 4 CADANGAN

4.1	Pengenalan	49
4.2	Permasalahan Kajian	49
4.3	Cadangan	50
4.4	Kesimpulan	63

BAB 5 RUMUSAN

5.1	Rumusan	64
-----	---------	----

BIBLIOGRAFI	65
--------------------	----

LAMPIRAN	66
-----------------	----

Lampiran A	Borang Soal Selidik (Muka Surat Hadapan)	67
------------	--	----

	Borang Soal Selidik (Muka Surat Belakang)	68
--	---	----

Lampiran B	Borang Soal Selidik (Penilaian Semula)	69
------------	--	----

Lampiran C	Contoh-contoh Reka Bentuk Pembungkusan	70
------------	--	----

	Album Muzik Dari Eropah, Taiwan Dan Malaysia	
--	--	--

Lampiran D	“ Mood Board ”	71
------------	----------------	----

Lampiran E	Lakaran Reka Bentuk Pembungkusan Album Muzik	73
------------	--	----

ABSTRAK

Pembungkusan album muzik merupakan bekas khas untuk menyimpan dan membalut cakera bagi sesuatu album muzik. Pembungkusan ini penting untuk melindungi cakera dan menyampaikan maklumat di dalamnya. Pembungkusan album muzik yang unik akan menarik perhatian seseorang pembeli. Sarawak mempunyai muzik etnik daripada pelbagai kaum etnik tempatan yang unik dan tersendiri. Muzik etnik ini terdapat dalam bentuk album muzik di pasaran. Akan tetapi, reka bentuk pembungkusan album-album muzik ini kurang menerapkan elemen-elemen reka bentuk dan grafik yang bersifat eksperimental. Promosi juga tidak terancang. Keadaan ini menyebabkannya tidak dapat menarik perhatian pembeli. Penyelidikan telah dijalankan dari segi tinjauan pasaran, rujukan bahan, temuramah dan hasil dapatan responden. Dengan adanya hasil dapatan yang diperolehi, reka bentuk pembungkusan album muzik yang baru dicadangkan supaya album muzik instrumental etnik Sarawak dapat dipromosikan ke peringkat antarabangsa.

ABSTRACT

Music album packaging is the container that holds and keeps the music disc. This packaging plays its roles as a disc protector and also as a media to deliver the music album messages. The unique packaging design for music album can attract people's attention to buy it. Sarawak is the place where some unique ethnic music from different ethnic groups can be found. Recently, there have been some efforts to market Sarawak ethnic music in the form of music album. However, the researcher observation found that these music album packaging designs are still lack in application of design elements and experimental graphic. Besides that, they do not have such a strong market strategies to promote Sarawak ethnic music albums. Hence, Sarawak ethnic music album fails to attract attention of the people. Through this project, the research was conducted started with market research, literature review, interview, questionnaire and observations. All the collected research data from this research will be used to solve the research problem statements. Thus, a music album packaging which is applied with design elements and experimental graphic is proposed to promote Sarawak's ethnic music nationally and internationally.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

1.1.1 Pembungkusan

Pembungkusan adalah merupakan kaedah untuk menyimpan dan membalut sesuatu produk. Pada masa kini, terdapat pelbagai jenis pembungkusan, contohnya pembungkusan makanan, minuman, album muzik, pakaian, perkakas elektrik dan lain-lain lagi. Antara dua fungsi utama pembungkusan adalah melindungi produk dan menyampaikan maklumat melalui reka bentuk pembungkusannya. Pembungkusan mempunyai dua bentuk iaitu dua dimensi dan tiga dimensi. Elemen-elemen reka bentuk dan grafik adalah berbentuk dua dimensi yang diaplikasikan di atas sesuatu pembungkus. Manakala, bentuk tiga dimensi pula merangkumi rupa bentuk kotak pembungkus yang dapat disentuh. Material yang biasanya digunakan di dalam pembungkusan ialah plastik, kertas dan kadbod, logam, kaca, kayu dan lain-lain lagi.

Pembungkus boleh dibahagikan kepada tiga jenis mengikut fungsinya, iaitu pembungkus primer, sekunder dan tertier. Pembungkus primer merupakan pembungkus utama yang menyimpan sesuatu produk. Misalnya, pembungkus primer bagi album muzik adalah bekas plastik yang menyimpan cakera. Pembungkus sekunder pula merupakan pembalut luar yang membalut pembungkus primer. Biasanya, pembungkus ini berfungsi untuk mengelakkan pembungkus primer daripada berlakunya kerosakan atau untuk menyimpan lebih daripada satu pembungkus primer. Misalnya, pembungkus sekunder digunakan dalam pembungkusan satu siri album muzik yang mengandungi genre muzik yang sama untuk dijual. Pembungkus

tertier berfungsi untuk tujuan penghantaran sama ada melalui penghantaran darat, laut maupun udara. Biasanya, pembungkus ini bersaiz besar.

Pembungkusan yang baik harus mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

1. Mesra alam
2. Mampu melindungi isinya
3. Senang diangkut
4. Bersih
5. Kreatif, inovatif dan bersifat keaslian
6. Berfungsi
7. Mampu menyampaikan maklumat yang tepat dan berkomunikasi dengan pembeli

1.1.2 Latar Belakang Muzik Etnik Sarawak

Sarawak merupakan sebuah negeri yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Selain daripada Kaum Melayu, Cina dan India, Sarawak juga mempunyai kaum etnik bumiputera seperti Iban, Bidayuh, Kayan, Melanau, Orang Ulu dan lain-lain lagi. Mereka mempunyai kebudayaan yang tersendiri. Antara keunikan budaya yang dimiliki oleh mereka adalah bunyian muzik yang dihasilkan melalui alunan alat-alat muzik tradisi. Jenis dan gaya muzik yang unik dihasilkan adalah bertujuan untuk hiburan, upacara keagamaan, perkahwinan, perayaan dan lain-lain lagi.

Sejak beberapa tahun ini, usaha-usaha memperkenalkan muzik instrumental etnik Sarawak kepada orang ramai telah dijalankan oleh “Tourism Sarawak” dan Kampung Budaya Sarawak, iaitu dengan mengadakan aktiviti-aktiviti muzik etnik, seperti konsert “Rainforest

World Music Festival” pada setiap tahun bermula semenjak tahun 1998 lagi. Ramai pemuzik-pemuzik dari seluruh pelusuk dunia telah menyertai aktiviti ini dengan mempersembahkan alunan muzik kebudayaan masing-masing. Semperna pesta ini, album muzik instrumental etnik Sarawak telah dijual dan ini termasuklah album muzik dari luar negara. Terdapat beberapa buah syarikat pengeluar album muzik tempatan atau “Production House” telah menerbitkan album muzik instrumental etnik Sarawak dan memperkenalkan muzik ini kepada rakyat tempatan dan para pelancong. Misalnya, LUH Production Sdn. Bhd. dan Zanzibar Media. Album-album muzik ini dihasilkan dalam bentuk cakera padat (CD), video cakera padat (VCD) dan kaset.

Antara contoh album-album muzik instrumental etnik Sarawak yang terdapat di dalam pasaran sekarang adalah seperti berikut:

1. Album muzik “Tuku’ Kame” daripada kumpulan Tuku’ Kame’, sebuah “Band Group” tempatan yang menghasilkan muzik instrumental dengan menggunakan pelbagai alat muzik etnik Sarawak.
2. Album muzik “Sape” (banyak siri) daripada sekumpulan etnik Sarawak.
3. Album muzik “Masters of the Sarawakian Sape” daripada Tusau Padan.

Kebanyakan album muzik instrumental yang dikeluarkan telah menggunakan alat muzik etnik Sarawak seperti Sape, Flute, Satang, Gong, Jatung Utang, Engkrumong, Perunchong, Sapelele dan lain-lain lagi. Album-album muzik ini adalah berkonsepkan tradisional yang mana muzik digunakan untuk tujuan tarian dan upacara tertentu. Elemen-elemen grafik seperti warna, corak ilustrasi, fon dan imej fotografî yang digunakan di dalam reka bentuk pembungkusan album muzik instrumental etnik Sarawak juga adalah berunsurkan tradisional.

1.1.3 Reka Bentuk Pembungkusan Album Muzik

Pembungkusan album muzik merupakan bekas khas untuk menyimpan dan membalut cakera bagi sesuatu album muzik sama ada dalam bentuk CD, VCD, DVD dan sebagainya. Pembungkusan album muzik berfungsi untuk melindungi cakera di dalam sesuatu album muzik dan mengelakkannya daripada tercakar, terbengkok ataupun kerosakan yang lain. Dengan itu, cakera di dalam album muzik akan bertahan lama. Pembungkusan album muzik juga berfungsi menyampaikan maklumat di dalam reka bentuk kulit album dan “booklet/insert” melalui imej atau tipografi. Maklumat-maklumat ini adalah berkenaan dengan genre muzik di dalam album muzik tersebut, nama pemuzik dan lain-lain lagi. Pembungkusan album muzik yang sempurna dan unik akan dijadikan simpanan bagi seseorang pembeli.

Reka bentuk pembungkusan sesuatu album muzik haruslah mencerminkan konsep dan genre muzik di dalam album muzik tersebut. Kenyataan ini adalah dipersetujui oleh Clare Warmke, “It is important that the design fit the style of music.”¹ Reka bentuk pembungkusan yang sesuai akan diaplikasikan di kulit album, “booklet/insert”, kotak/”casing” album, bentuk-bentuk promosi dan sebagainya. Elemen-elemen reka bentuk dan grafik yang diaplikasikan di dalam reka bentuk pembungkusan album muzik termasuklah penggunaan imej fotografi atau ilustrasi, fon, warna, rekaletak dan pemilihan material di dalam pembungkusan. Menurut Robin Landa, “When choosing type or visuals, it is crucial to make your selections based on your concept, the style or image you wish to convey, and the appropriateness to the subject matter.”² Ini bermaksud fon dan imej yang dipilih harus sepadan dengan konsep dan genre muzik di dalam album muzik. Fon dan imej yang sepadan dapat memberi gambaran muzik di

¹ CLARE WARMKE. Colossal Design. Cincinnati, Ohio: How Design Books, 2003

² ROBIN LANDA. Graphic Design Solutions. 2nd edition. Stamford: OnWord Press Thomson Learning, 2001

dalam sesebuah album muzik tersebut. Keadaan ini menunjukkan reka bentuknya dapat berkomunikasi dengan pembeli melalui tema dan imejnya. Konsep, tema dan reka bentuk pembungkusan album muzik yang jelas, kuat dan unik adalah sangat penting.

Reka bentuk pembungkusan album muzik adalah berhubungkait rapat dengan kelarisan jualan sesuatu album muzik. Ia berupaya mempengaruhi kelarisan dan penjualan sesuatu album muzik. Robin Landa juga berpendapat, “The design of a CD cover or book jacket may influence your decision to purchase the product. At the very least, it gives you a clue as to what is between the covers of the book or what type of music is on the disc.”³ Reka bentuk kulit sesuatu album muzik dapat memberi tanggapan pertama sebelum pendengar mendengar muzik di dalam album tersebut. Jika reka bentuk album muzik itu sangat unik dan menarik, keadaan ini dapat menarik minat pembeli untuk membelinya.

1.2 Permasalahan Kajian

Walaupun pelbagai pihak telah berusaha memperkenalkan muzik instrumental etnik Sarawak melalui penjualan albumnya, tetapi usaha-usaha ini masih kurang mendapat sambutan daripada rakyat tempatan dan para pelancong. Dalam permasalahan kajian, faktor utama yang menyebabkan keadaan ini berlaku kerana reka bentuk pembungkusan album muzik instrumental etnik Sarawak yang kurang meyakinkan dan kurang menarik.

Antara masalah-masalah utama yang terdapat pada album muzik instrumental etnik Sarawak di pasaran sekarang adalah seperti berikut:

³ ROBIN LANDA. Graphic Design Solutions. 2nd edition. Stamford: OnWord Press Thomson Learning, 2001

1.2.1 Reka bentuk pembungkusan album muzik instrumental etnik Sarawak kurang menerapkan elemen-elemen reka bentuk dan grafik yang bersifat eksperimental.

Album muzik instrumental etnik Sarawak yang terdapat di pasaran sekarang kurang bersifat eksperimental dari segi reka bentuk pembungkusannya. Album-album muzik ini kurang diaplikasikan dengan percubaan elemen-elemen reka bentuk dan grafik yang baru dan terkini. Ini termasuklah reka bentuk kulit album, “booklet/insert” dan kotak/“casing” album. Kebanyakan reka bentuk pembungkusan album muzik di pasaran adalah sama/“cliche” atau dengan erti kata lain, tidak mempunyai kelainan atau keunikan yang tersendiri. Elemen-elemen reka bentuk dan grafik yang ingin dikaji adalah merangkumi imej fotografi atau ilustrasi, fon, warna, rekaletak dan pemilihan material di dalam pembungkusan.

Antara elemen-elemen reka bentuk dan grafik yang kurang bersifat eksperimental yang terdapat di dalam reka bentuk pembungkusan album muzik instrumental etnik Sarawak adalah:

1.2.1.1 Reka bentuk kulit album

Reka bentuk kulit album muzik instrumental etnik Sarawak yang terdapat di dalam pasaran sekarang tidak mempunyai konsep, tema dan reka bentuk yang kuat. Kebanyakan kulit album muzik instrumental etnik Sarawak tidak mampu mencerminkan konsep dan genre muzik yang terkandung di dalam album muzik tersebut. Selain itu, imej fotografi yang digunakan kurang bersifat eksperimental. Imej-imej ini diambil secara biasa dan direka bentuk dengan rekaletak yang biasa. Teknik fotografi dari sudut kedudukan imej,

pengcahayaan dan kontras adalah sangat lemah. Imej-imej dimanipulasikan dengan kaedah kolaj. Warna yang agak tenggelam tidak dapat menarik perhatian pembeli untuk membeli album-album muzik tersebut.

1.2.1.2 Reka bentuk “booklet/insert”

Kebanyakan pembungkusan album muzik instrumental etnik Sarawak tidak disertai dengan “booklet/insert”. Album-album muzik ini hanya mempunyai kulit album yang mengandungi sedikit maklumat sahaja. Ini kerana kulit album muzik ini hanya mengandungi ruang yang agak kecil. Oleh yang demikian, album muzik ini secara langsung tidak dapat mempamerkan maklumat seperti penghargaan terhadap seseorang, penerangan makna dan fungsi sesuatu muzik, penerangan terhadap perasaan yang ingin diwujudkan oleh pemuzik dan sebagainya.

1.2.1.3 Reka bentuk kotak/“casing” album

Penggunaan material yang sama masih terdapat di dalam reka bentuk kotak atau “casing” iaitu penggunaan “jewel case” atau bekas plastik yang bersegi empat. Percubaan penggunaan material yang berlainan di dalam rekabentuk kotak/“casing” album muzik instrumental etnik Sarawak tidak pernah dilakukan. Terdapat pelbagai jenis material seperti kertas, kadbur, kayu, besi dan sebagainya yang belum dicuba untuk dijadikan pembungkusan cakera secara komersial.

1.2.1.4 Penggunaan elemen-elemen grafik seperti warna, pemilihan fon, imej fotografi atau ilustrasi dan rekaletak pembungkusan.

1. Penggunaan warna

Warna-warna etnik terlalu banyak diaplikasikan dalam reka bentuk pembungkusan album muzik sekarang, terutamanya di dalam reka bentuk kulit album muzik. Warna-warna etnik biasa digunakan adalah warna hitam, kuning dan merah. Di samping itu, warna alam semulajadi seperti warna hijau dan perang juga banyak digunakan. Penggunaan warna lain kurang diaplikasikan ke dalam reka bentuknya.

2. Pemilihan fon

Fon yang digunakan di dalam sesuatu reka bentuk kulit album muzik instrumental etnik Sarawak adalah tidak sesuai dengan tema, konsep dan genre muzik di dalam album muzik tersebut. Fon yang umum telah digunakan seperti “Font Brush Script”.

3. Imej fotografi atau ilustrasi

Imej potret pemuzik dan alat muzik terlalu banyak digunakan di dalam reka bentuk kulit album muzik intsrumental etnik Sarawak sekarang. Kebanyakan imej kelihatan statik kerana kaedah montaj telah digunakan untuk menyusun serta mengabungkan imej-imej ini. Imej ilustrasi iaitu corak etnik yang mempunyai warna etnik selalu digunakan.

4. Rekaletak

Susun atur atau rekaletak imej dan tipografi di dalam reka bentuk pembungkusan sesuatu album muzik itu adalah tidak teratur. Rekaletaknya tidak mengikut grid yang tersusun. Keadaan ini akan menyebabkan susunan imej dan fonnya kelihatan berselerak.

1.2.2 Album muzik instrumental etnik Sarawak tidak mempunyai promosi yang lebih terancang.

Promosi merupakan saluran yang penting untuk memperkenalkan sesuatu produk atau perkhidmatan kepada umum. Akan tetapi, album muzik instrumental etnik Sarawak tidak mempunyai promosi yang terancang pada masa sekarang. Malahan, kebanyakan album muzik ini dijual tanpa dipromosikan secara umum. Album muzik ini tidak mempunyai poster dan iklan yang mempromosikannya, seperti yang digunakan dalam kaedah promosi album muzik yang lain di pasaran pada masa kini. Selain itu, album muzik ini hanya dijual di tempat tertentu sahaja. Album muzik ini juga hanya dijual kepada golongan yang kecil sahaja kerana kurang pendedahan yang luas kepada umum. Misalnya, album muzik Tuku' Kame' yang hanya dijual di Kampung Budaya Sarawak. Ini menyebabkan ramai orang tidak mengetahui tentang kewujudan album muzik ini. Walaupun album muzik ini telah pun dijual sepanjang konsert "Rainforest World Music Festival", tetapi promosinya masih kurang bagi menarik perhatian para pembeli.

1.3 Objektif Kajian

Dengan adanya permasalahan yang terdapat pada album muzik instrumental etnik Sarawak pada masa kini, penyelidikan telah dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:


1. Mengkaji reka bentuk pembungkusan album muzik instrumental etnik Sarawak yang terdapat di pasaran sekarang.
2. Mencadangkan reka bentuk pembungkusan album muzik instrumental etnik Sarawak dengan mengaplikasikan elemen-elemen reka bentuk dan grafik yang bersifat eksperimental dan mempromosikan ke peringkat antarabangsa.

1.4 Skop Kajian

Kajian reka bentuk pembungkusan album muzik instrumental etnik Sarawak ini dijalankan ke atas album-album yang terdapat di dalam pasaran sekarang. Album-album muzik ini telah dikeluarkan oleh syarikat pengeluar album tempatan atau “Production House” seperti LUH Production Sdn. Bhd., Zanzibar Media dan lain-lain lagi. Kawasan skop kajian adalah album-album muzik instrumental etnik Sarawak yang dijual di pasaran tempatan iaitu sekitar Bandaraya Kuching (Kenyalang Park, Wisma Hopoh, Sarawak Plaza, kedai album muzik yang lain dan kedai kraftangan di Main Bazaar) dan Kampung Budaya Sarawak.

Kajian reka bentuk pembungkusan album muzik ini adalah merangkumi aspek-aspek seperti berikut:

Kajian Reka Bentuk Pembungkusan Album Muzik Instrumental Etnik Sarawak



- 1. Imej Fotografi atau Ilustrasi
- 2. Penggunaan Fon
- 3. Penggunaan Warna
- 4. Rekaletak
- 5. Pemilihan Material Di Dalam Pembungkusan

1.5 Definisi Kajian

1. Konsep

Pengertian, pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan, idea.

2. Reka bentuk

Rancangan (corak, bentuk dan sebagainya) yang menunjukkan susunan, struktur atau aspek-aspek sesuatu (binaan dan sebagainya); “Design”.

3. Instrumental

Dengan alat-alat muzik sahaja (tanpa nyanyian).

4. Etnik

Berkenaan dengan bangsa manusia.

5. “Production House”

Syarikat pengeluaran album.

6. Ilustrasi

Gambar (lukisan dan sebagainya) untuk menerangkan atau menghiasi sesuatu (dalam buku, majalah dan lain-lain lagi).

7. “Booklet/insert”

Buku kecil yang mengandungi lirik dan penerangan album di dalam sesebuah album muzik.

8. Fon

Kumpulan rupa bentuk set aksara yang terdiri daripada huruf pelbagai rupa dan saiz yang boleh dicetak atau dipaparkan.

9. Rekaletak

Susunan bahan bertulis, fotograf atau kerja seni pada iklan atau halaman buku, surat khabar dan lain-lain lagi.

10. Potret

Gambar orang yang diambil dengan menggunakan kamera.

11. Montaj

Gambar, filem, gubahan lagu atau penulisan yang terdiri daripada bahagian yang berasingan dan digabungkan menjadi satuan yang menarik.

12. Genre

Kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk, atau kandungan tertentu.

13. Eksperimental

Berkenaan (berasaskan, bersifat) eksperimen, bersifat percubaan.

14. Spirituil

Bersifat rohaniah.

BAB 2

METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pengenalan

Sepanjang menjalankan penyelidikan ini, kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengumpul data primer dan data sekunder adalah kaedah kajian kualitatif dan kaedah kajian kuantitatif. Ini termasuklah analisa pasaran, analisa pesaing dan analisa situasi bagi reka bentuk pembungkusan album muzik instrumental etnik Sarawak.

2.2 Kaedah Kajian Kualitatif

Kaedah kajian kualitatif dijalankan untuk mengumpul maklumat yang bersifat realisasi. Maklumat yang bersifat realisasi termasuklah tulisan dan imej yang sedia ada. Tulisan dan imej ini dikumpul melalui beberapa kaedah seperti:

2.2.1 Pemerhatian

Pemerhatian dijalankan di sekitar Bandaraya Kuching. Kajian pasaran ini tertumpu kepada album-album muzik instrumental etnik Sarawak dan luar negara yang sedia ada. Antara tempat-tempat yang dijadikan lokasi pemerhatian ialah kedai-kedai penjualan album muzik, kedai kraftangan dan tempat pelancongan seperti Kampung Budaya Sarawak.